

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.03.2018**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan perolehan 56 ekar tanah oleh Bank Negara dengan harga RM2 bilion:-

- (a) berapakah jumlah yang pihak Kerajaan akan berbelanja untuk membina Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam dan Pusat Antarabangsa Akademi Penyelidikan Syariah dan
- (b) adakah pihak Kerajaan memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk berbuat demikian pada tahun 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Antarabangsa

Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) dan Pusat Antarabangsa Akademi Penyelidikan Syariah (ISRA) ialah dua institusi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kedua-dua institusi ini tidak menerima sebarang dana atau pembiayaan daripada Kerajaan.

INCEIF ialah sebuah pusat kecemerlangan antarabangsa bertaraf universiti bagi pendidikan kewangan Islam untuk menyedia dan membangunkan bakat bagi menghadapi cabaran masa hadapan industri kewangan Islam. ISRA pula berperanan sebagai pusat penyelidikan bidang Syariah dan kewangan Islam serta pengumpulan fatwa berhubung dengan isu-isu kontemporari. Ia juga menyediakan platform bagi kerjasama yang lebih erat antara pengamal industri, cendekiawan Syariah, pengawal selia serta ahli akademik melalui penyelidikan dan dialog, baik di dalam negeri mahupun pada peringkat antarabangsa.

Pembelian harta tanah yang berkenaan bertujuan untuk menempatkan kedua-dua institusi tersebut. Keseluruhan kawasan tersebut akan dikhususkan dan disepadukan untuk pembangunan Hab Pendidikan Kewangan bertaraf dunia. Hab ini dijangka menjadi pusat utama pembelajaran dan pendidikan antarabangsa untuk melahirkan kumpulan tenaga kerja secara berterusan bagi

menyokong pembangunan industri kewangan domestik.

Selain itu, BNM akan terus mengguna pakai lima blok bangunan sedia ada bekas Pejabat JPA di bahagian selatan harta tanah tersebut yang terletak berdekatan dengan Sasana Kijang yang sekarang ini digunakan oleh Open University Malaysia (OUM) dan International University of Malaya-Wales (IUMW). Institusi-institusi berkenaan akan mengalihkan operasi secara berperingkat dalam tahun ini ke kawasan lain.

Kawasan harta tanah yang selebihnya akan dibangunkan pada masa hadapan untuk pengembangan operasi INCEIF serta pembangunan fasiliti latihan dan pendidikan kewangan untuk BNM dan industri kewangan Malaysia mengikut keperluan semasa.